



KP.BT.8945/Jld.29(69)
23 September 2008

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS SPBT

Arahan Pentadbiran Berkaitan Dengan Perjawatan Pembantu Tadbir SPBT Sekolah

Dengan hormatnya saya merujuk kepada memo daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Ruj: KP(PP)0051/31(13) bertarikh 11 September 2008 berhubung perkara di atas (salinan dilampirkan bersama).

2. Bahagian Buku teks ingin memaklumkan bahawa pihak kami telah memohon jawatan khas Pembantu Tadbir SPBT Sekolah bagi membantu tugas Guru SPBT Sekolah melaksanakan pengurusan SPBT. Pengujudan jawatan Pembantu Tadbir SPBT ini membolehkan Guru SPBT menumpukan lebih perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang menjadi keutamaan kepada pendidik. Pengurusan buku teks SPBT amat penting kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang besar melebihi RM100 juta setiap tahun. Oleh yang demikian bantuan buku teks SPBT ini hendaklah ditadbir urus secara terkawal dan sistematik supaya tidak berlaku kecuai dan pembaziran sebagaimana yang sering ditegur oleh Jabatan Audit Negara.

3. Sehubungan dengan permohonan perjawatan tersebut, Bahagian ini ingin merujuk kepada ketetapan yang diputuskan oleh Agensi Pusat sebagaimana Perkara 4 (Memo BSM Ruj: KP(PP)0051/31(13)) seperti berikut :


"Pihak Agensi Pusat telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan meminta KPM menggunakan perjawatan secara optimum dalam menguruskan hal-hal pentadbiran sekolah merangkumi juga pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks(SPBT).Oleh itu tambahan perjawatan PT(P/O)/PT (Kew) di sekolah yang terlibat diharapkan dapat membantu pihak sekolah termasuklah menguruskan Skim Pinjaman Buku Teks dengan cekap dan berkesan".

4. Selaras dengan ketetapan tersebut, Bahagian ini memohon kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/ Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua sekolah yang terlibat bahawa pertambahan jawatan bagi Anggota Kumpulan Sokongan di Sekolah Rendah Harian dan Sekolah Menengah Harian melalui Anggaran Belanja Mengurus Perjawatan Tahun 2009 adalah secara **gunasama termasuk pengurusan SPBT** mengikut norma-norma perjawatan yang telah diluluskan.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam hal ini amatlah dihargai.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



Dr. HAJI ZAHRI BIN AZIZ

Pengarah

Bahagian Buku Teks

Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan

Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

- i. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
- ii. Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- iii. Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Asrama Penuh dan Kluster
- iv. Pengarah, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
- v. Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam
- vi. Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas
- vii. Pengarah, Bahagian Sukan, Seni dan Ko-kurikulum
- viii. Ketua Nazir, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti